

KHUTBAH IDIL FITRY 1437 HIJRAH  
"ISTIQOMAH MEMPERTAHAN FITRAH "

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَ اللَّهُ الْحَمْدُ

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَى عَبْدِهِ الْكِتَابَ وَلَمْ يَجْعَلْ لَهُ عِوَجًا

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُ وَنَصَرَهُ وَوَالَاهُ. أَمَّا بَعْدُ

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

Alhamdulillah pada hari ini kita semua sepatutnya kembali kepada fitrah. Hari ini juga dinamakan Idul Fitri. Mari kita menginsafi dan merenung kembali bahawa Fitrah kita dijadikan Allah ada dua . Yang pertama adalah untuk berkelakuan sebagai hambaNya walau apa pun kedudukan kita di mata masyarakat. Fitrah yang kedua adalah kita telah dilantik sebagai wakil Allah mentadbir alam ini. Allah mengkehendaki agar alam ini ditadbir oleh orang-orang yang berjaya memaksa dirinya kekal dalam fitrah kehambaan dengan kekal beriman dan beramal soleh. Firman Allah :

وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ كَمَا اسْتَخْلَفَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ

Allah menjanjikan orang-orang yang beriman dan beramal soleh dari kalangan kamu (wahai umat Muhammad) bahawa Ia akan menjadikan mereka khalifah-khalifah yang memegang kuasa pemerintahan di bumi, sebagaimana Ia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka: khalifah-khalifah yang berkuasa; (surah al Nur ayat 55)

Namun kedua-dua fitrah ini tidak kebal daripada dirosakkan dan kewajipan kita semua untuk menjaganya. Hari ini kita sedang terkepung dengan unsur-unsur yang cuba merosakkan ke dua-dua fitrah ini ; rasa kehambaan dan rasa berkewajipan menjadi khalifah.

Musuh sentiasa mencari peluang merosakkan rasa kehambaan kita kepada Allah, tidak jemu menggoda kita untuk menukarkan rasa kehambaan kita beralih menjadi hamba kepada nafsu, hamba kepada pangkat, hamba kepada kemasyhuran, hamba kepada kedudukan – ini semua bukan fitrah- sehingga tidak lagi rasa manis menghambakan diri kepada Allah.

Maka apabila yang dikejar kepuasan sementara yang sifatnya sangat peribadi maka rasa fitrah kedua iaitu sepatutnya kita menjadi khalifah , menjadi umat teladan , bukan lagi sesuatu yang dirasakan wajib . Rasa memada Islam dan umat Islam diperintah dengan sistem buatan manusia , makan minum disuap oleh orang lain , hatta agenda umat pun dirangka oleh orang lain – ini pun bukan juga fitrah .

Kedua-dua fitrah ini wajib dipelihara dan dijaga. Fitrah rasa kehambaan kepada Allah kita pelihara dengan se paling kurang berkatalah dengan diri kita sendiri “ Ya Allah aku hanya hambaMu. Suruhlah apa sahaja aku akan taati. Siapa aku untuk aku katakan nanti dulu, suruhan Mu itu tidak sesuai , nanti lah aku fikir dulu atau nantilah aku bincangkan dulu.

Manusia yang kembali ataupun kekal kepada fitrahnya adalah manusia yang hebat

“Muhammad Ali dikenang oleh kawan dan lawan bukan hanya kerana kehebatannya di dalam gelanggang tinju, tapi lebih kerana prinsip perjuangannya yang dibuktikan di luar gelanggang. “I aint got no quarrel with them Vietcong,” katanya ketika menolak untuk berkhidmat sebagai tentera di Vietnam. Dari hidup sebagai seorang bintang dan jutawan, sekelip mata Ali menjadi ‘public enemy’ di Amerika Syarikat, digelar pengecut, jatuh miskin dan hidup dibebani hutang keliling pinggang. Dia juga pernah dipenjarakan lesen tinju beliau ditarik dan Ali tidak lagi dibenarkan bertinju di kemuncak kerjayanya pada usia 25 tahun. Dia tidak takut untuk menyatakan kebenaran prinsipnya, walaupun dia seolah-olah berseorangan ketika itu. “I won’t be used by powerful white men as a tool to kill other people who are fighting for their own beliefs and freedoms, and neither should you, especially if you’re poor and/or black.” 4 tahun sepanjang penggantungannya, Ali menjelajah menjelaskan prinsipnya. Akhirnya Ali mula ‘menang’. Ramai yang mula berdiri dibelakangnya. Dari dikeji, beliau dipuji dan diangkat tinggi. Lesennya diberi kembali dan selepas inilah, Ali kembali ke gelanggang untuk menumpaskan Foreman dan Frazier.

Ali juga adalah contoh seorang Muslim yang teguh dengan fitrah aqidahnya. Beliau tidak malu segan silu seperti kita untuk menyatakan keimanannya di mana sahaja, baik di dalam siri-siri temuramah di dalam televisyen atau dalam pertemuan-pertemuan spontan. Pernah seorang remaja bertanya tentang perancangannya selepas bersara, jawapannya untuk berdakwah dan mentauhidkan Allah. Orang yang sentiasa bersama-sama dengan beliau sering bercerita tentang akhlaknya yang sentiasa merendah diri dan sentiasa membaca Al Quran walaupun dalam keadaan keletihan. Perkara ini diceritakan sendiri oleh Thomas Hauser, penulis autobiografinya yang berkesempatan tinggal bersama dengan Ali dalam satu tempoh yang agak lama.

Fitrah juga perlu dipelihara dengan kekuasaan dan undang-undang. Benarlah ungkapan Saidina Uthman dan Saidina Umar r.a

إن الله يزع بالسلطان ما لا يزع بالقرآن

Sesungguhnya Allah memberikan kuasa kepada sultan untuk menghalang sesuatu yang gagal dihalang dengan al Quran . Ini peranan hukuman dan undang-undang. Ini kewajiban semua umat Islam terutama penggubal dasar.

Perbuatan zina, berkesedudukan tanpa nikah, khalwat , perkahwinan sejantina , LGBT, kempen membenarkan makan di khalayak ramai oleh wanita yang uzur di dalam bulan Ramadhan baru-baru ini adalah perkara-perkara di luar fitrah. Tetapi isu inilah diulang setiap hari menggunakan kren-kren hak asasi manusia, digerakkan secara terancang.

Di samping penerangan dan dakwah berterusan , undang-undang dan hukuman juga perlu untuk mengekalkan umat sentiasa berada di dalam keadaan fitrah. Aspek hukuman tetap menjadi keutamaan dalam Islam sesuai dengan Islam adalah cara hidup yang lengkap.

Allah SWT di dalam al Quran mewajibkan kita sebagai umat Islam berhukum dengan hukum-hukum al Quran sebagai menifestasi fitrah kita sebagai hamba Allah dan fitrah kekhalifahan menunaikan amanah Allah menjalankan hukum Allah di atas mukabumi ini. Kita dihukum dengan hukuman Allah...itu fitrah kehambaan . Kita menghukum dengan hukum Allah...itulah fitrah kekhalifahan.

Idealnya kita juga sebagai umat Islam di Malaysia wajib berhukum dengan hukuman hukuman ini, namun kita terpaksa menerima realiti setakat ini , kesalahan -kesalahan sivil diadili oleh mahkamah sivil dengan pakej hukumannya . Orang Islam pun terikat dengan undang - undang ini. Umat Islam hanya mempunyai hal hal yang sangat terhad untuk berhukum dengan peraturan yang benar-benar dikanunkan oleh Allah. Kalau pun disebut sebagai kesalahan jenayah syariah ia nya hanya terhad kepada beberapa kesalahan sahaja seperti khalwat , zina , berkesedudukan dan lain-lain yang lebih berkaitan dengan kekeluargaan , aqidah dan sedikit berkaitan isu isu syariah. Adapun kebanyakan kesalahan lain, umat Islam akan diadili oleh mahkamah Sivil.

Amat pelik kepada sebuah negara yang termaktub di dalam perlembagaan Nya bahawa Islam adalah sebagai agama persekutuan , Ketua Negara nya bersumpah untuk menjaga Islam pada setiap masa dan majoriti rakyatnya adalah Muslim , mempunyai mahkamah syariah yang hanya mampu

menjatuhkan hukuman terhadap kesalahan jenayah syariah maksimum denda RM 5 ribu ringgit , penjara 3 tahun dan sebatan 6 kali sebatan rotan . Sebagai perbandingan seksyen 68(1) **AKTA PEMULIHARAAN HIDUPAN LIAR 2010** bagi kesalahan memburu, dsb., hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya tanpa permit khas pun dikenakan denda denda tidak melebihi RM100,000.

Cadangan meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah ) 1965 (Pindaan 1984)(Akta 355) untuk memperkasakan bidang kuasa Mahkamah Syariah baru baru ini di Parlimen perlu dilihat oleh seluruh rakyat Muslim di negara ini adalah sebagai satu usaha untuk memenuhi tuntutan mengekalkan fitrah sebagai hamba Allah dan khalifah Allah walaupun masih jauh dari piawaian sebenar namun usaha seawal ini pun sudah mendapat respon keras yang memerlukan seluruh umat Islam bergabung tenaga mempertahankan usaha ini agar berterusan sehingga ke garisan penamat..

Buat akhirnya , siapapun kita, kita memerlukan peringatan dan teguran agar kita tetap berada Di atas landasan fitrah kehambaan dan fitrah sebagai khalifah Allah. Awas jika kita hanya suka dipuji takut-takut kita dikelilingi oleh pembantu yang kaki ampu. Jangan terkeliru antara ampu dengan setia. Kaki ampu menipu. Sedangkan orang setia berpegang kepada prinsip yang benar. Setia pada kebenaran itulah setia yang sebenar. Manakala kaki ampu hanya dahagakan pangkat dan kedudukan.

Jika setiap teguran dan kritikan terus dicap sebagai 'menderhaka' maka kita akan kehilangan orang setia yang tidak suka bermuka-muka. Sedangkan sejarah kepimpinan yang berjaya dalam kalangan para rasul dan Khulafa' al-Rasyidin semuanya mengamalkan sikap terbuka kepada teguran.

Apabila orang yang jujur mula meninggalkan kita maka yang tinggal hanyalah pengampu yang bukan membantu tetapi 'membuntu'. Nasihat dan pandangan bukan berdasarkan realiti sebenar tetapi lebih didorong untuk menjaga kepentingan peribadi. Akibatnya, berlakulah seperti yang dikatakan pepatah 'harap sokong, sokong yang membawa rebah' atau 'harapkan pegar, pegar makan padi."

Mereka yang tidak bergantung hidup kepada manusia sahaja yang dapat menyuarakan kebenaran tanpa takut dan segan silu. Menegur bukan kerana benci, tetapi kerana sayang.

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعْنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَيَا فَوزَ الْمُستَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ

### KHUTBAH KE DUA

، اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ،

، اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ،

اللَّهُ أَكْبَرُ وَاللَّهُ الْحَمْدُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَى وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا وَذُخْرِنَا وَقُدُوتِنَا وَأُسُوتِنَا مُحَمَّدٍ إِمَامِ الْمُتَّقِينَ وَقَائِدِ الدُّعَاةِ الْمُجَاهِدِينَ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ سَارَ عَلَى نَهْجِهِ وَجَاهَدَ جِهَادَهُ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى

Di pagi yang mulia ini kami memohon agar engkau ampuni segala dosa kami. Kembalikanlah kami dalam fitrah sebelum kami menemui Mu. Hati kami terpasung oleh kata-kata yang pernah diucapkan oleh Sayidina Ali:

“Manusia semua tidur, bila mati baru mereka terjaga.”

Kata Imam Ghazali:

“Ada manusia yang sedang ketawa ria, sedangkan kain kafannya sedang dirobek-robekan.”

Sudah lebih separuh abad kami bernaung di bawah langit-Mu ya Allah. Belum pun kami terasa menjadi hamba-Mu yang sebenar. Masih berpura-pura. Alangkah alpa dan berdosa kami. Apakah sisa umur kami masih panjang? Atau hanya seketika lagi.

Kami belum bersedia untuk bertemu-Mu ya Allah. Walaupun kami tahu, siapalah kami untuk menyatakan tidak dan tunggu. Ya, Allah... segala kekuatan hanya pada-Mu jua. Kau yang Maha tahu apa yang terbaik untuk kami. Kami merayu pada-Mu ya Allah, di pagi yang mulia ini

Kami mengemis keampunan-Mu dengan tangan yang berdosa, dengan hati yang tercela. Jika tidak mengenangkan yang Engkau Maha Pengampun, aku tidak akan memohon kepada Mu ya Allah kerana rasa malu dan hina untuk meminta.

Ya, Allah di hari ini, kami minta dileraikan kusut fikir kami. Mohon dijinakkan nafsu liar kami. Wahai yang Maha Adil, kutiplah kami untuk menumpang sekalipun di pinggiran rahmatMu. Walau sering kami lupa, tetapi kami sentiasa mengharap.

Ya, Allah, jauhkan kami dari topeng munafik yang menipu-daya ini.

Kami juga tidak mampu menangis kerana dosa Ya Allah, kerasnya hati kami ini. Mohon dilembutkan. Atau mohon kami diberi ‘hati’ yang lain. Hati yang ada ini bagaikan sudah mati ya Allah.

Daun usia kami gugur helai demi helai. Namun kolam hati kami kian keruh. Beban tambah berat, diri kian penat. Mudah-mudahan pada hari ini kami akan ‘dilahirkan’ semula.

Ya Allah ampuni dosa dosa kami atas kecuaiannya kami menjaga agama kami sehingga sehari demi sehari ia cuba dipertandingkan, ya Allah kembalikan sikap tegas dan berani kepada kami.

Ya Allah kami memohon ampun kepada Mu atas kecuaiannya kami menjaga saudara-saudara Islam kami sehingga anak-anak mereka dimurtadkan semula. Apa yang kami ingin jawab di hadapan Mu apabila anak-anak ini mengadu di hadapan Allah nanti. "Ya Allah apa mereka lakukan kepada kami"

Ya Allah kami memohon ampun kepada Mu atas kecuaiannya kami menjaga saudara-saudara Islam kami sehingga darah mereka mengalir setiap hari sedangkan kami bersenang lenang dan bersuka ria. Kami tidak sanggup lagi melihat dan mendengar tangisan dan raungan anak-anak mereka yang sebaya dengan anak-anak kami, isteri- isteri mereka memerlukan perlindungan sepertimana isteri- isteri kami. Ya Allah hentikanlah segala kezaliman ini dengan kekuatan Mu ya Allah.

Ya مثبت القلوب tetapkan hati-hati saudara-saudara kami etnik Ronghinya dan Rakhine di Myanmar, saudara-saudara kami ahli sunnah wa al jamaah di Syria, saudara-saudara kami di Mesir dan Palestin serta di seluruh mukabumi ini agar tetap dalam iman tidak berganjak walaupun sedetik terhadap sebesar mana pun ujian yang menimpa. Kalau mereka mati di sana dan kami mati di sini, himpunkanlah kami semuanya di dalam syurga Mu Ya Allah.

Ya Allah kami semua yang hadir ini memohon restu Mu agar mengurniakan taufiq, inayah serta riayah kepada DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizuddin Shah ibni al Marhum Sultan Azlan Muhibuddin Shah al Maghfur lah serta DYMM Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim.

Ya Allah kurniakanlah kebijaksanaan luarbiasa kepada baginda dalam membuat keputusan dan tindakan



Ya Allah bantulah hamba hamba Mu itu membentengi agama Mu di negeri ini. Kurniakanlah kepada hamba- hamba Mu ini penasihat-penasihat yang jujur lagi amanah yang meletakkan kepentingan Islam mengatasi kepentingan-kepentingan yang lain. Demi Allah , kami rakyat mengikat janji akan menjadi tulang belakang kepada hamba- hamba Mu ini selama mana mereka mendepani kami dalam mempertahankan agama di bumi bertuah ini.

ربنا لا تُؤاخِذنا بما فعلَ السفهَاء مِنَّا، ولا تُحرمْ علينا بِدُنُوبنا فضلكَ، ولا تُسَلِّطْ علينا بِدُنُوبنا منْ لا يَخافُكَ ولا يَرْحَمُنَا.

اللهم اغفر للمسلمين و المسلمات و المؤمنين و المؤمنات و الاحياء منهم و الاموات  
 اللَّهُمَّ اعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ. وَأَذِلَّ الشُّشْرَكَ وَالْمُشْرِكِينَ، وَالنِّسْفَاقَ وَالْمُنَافِقِينَ، وَالظُّلْمَ  
 وَالظَّالِمِينَ، وَدَمِّرِ الْكُفْرَةَ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. اللهم انا نَسْأَلُكَ أَنْ تُصَلِّحَ أُمَّتَنَا وَوَلَاتَ  
 أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وَلَايَتَنَا فِيْمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ، وَإِيتْيَاءِ ذِي الْقُرْبَى، وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشِيَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ.  
 يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. وَادْكُرُوا اللَّهَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا عَلَي نِعْمَتِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ.  
 وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.